

Belanjawan 2003 lebih baik daripada sebelumnya — PM

PASIR GUDANG 25 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir menggambarkan Belanjawan 2003 adalah lebih baik daripada sebelumnya dengan penekanan kepada pembangunan terutamanya kepada rakyat miskin.

Perdana Menteri berkata, belanjawan yang akan dibentangkan kali ini akan mengurangkan defisit dan mencergaskan semua sektor ekonomi negara.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sempena Lawatan Kerja Sehari ke Johor di sini hari ini.

Tahun ini merupakan tahun terakhir untuk Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan 2003 sebelum beliau bersara pada bulan Oktober tahun hadapan.

Pada Jun lalu, Dr. Mahathir berkata kerajaan berharap Belanjawan 2003 akan mencatat jumlah defisit lebih rendah iaitu di bawah paras enam peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Ditanya mengenai Projek Empangan Bakun di Sarawak, Dr. Mahathir menjelaskan projek itu belum dijual dan kini masih milik kerajaan.

Katanya, terdapat banyak pertanyaan daripada syarikat-syarikat antarabangsa untuk memabitkan diri dalam projek itu.

“Projek ini (Bakun) diburuk-burukkan oleh wartawan asing sebagai projek yang membazirkan wang,” jelas beliau.